



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGURUSAN SENI ARCA RAJA SHAHRIMAN DI GALERI PELITA HATI,  
BANGSAR, KUALA LUMPUR.**

**RAJA JUNAIDAH BT RAJA DAUD @ R HUSSAIN**

**27989**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
2013**

**PENGURUSAN SENI ARCA RAJA SHAHRIMAN DI GALERI PELITA  
HATI, BANGSAR, KUALA LUMPUR.**

**RAJA JUNAIDAH BT RAJA DAUD @ R HUSSAIN  
27989**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**  
2013

## UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

### BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: PENGURUSAN SENI ARCA RAJA SHAHRIMAN DI GALERI PELITA HATI,  
BANGSAR KUALA LUMPUR.

**SESI PENGAJIAN : 2012 / 2013**

Saya RAJA JUNAIDAH BT RAJA DAUD mengaku membenarkan tesis/Laporan \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat
5. salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
6. \*sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penulis)

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penyelia)

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Alamat tetap:  
No 149, Blok 4 Felda Perasu,  
18300, Gua Musang,  
Kelantan Darul Naim.

Catatan:\* Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda  
\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/Laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

## PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Pengurusan Seni Arca Raja Shahrman di Galeri Pelita Hati, Bangsar Kuala Lumpur**' telah disediakan oleh **Raja Junaidah Bt Raja Daud @R Hussain** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh

---

Tuan Haji Mohd Ghazali Abdullah

Tarikh :

---

## **PENGHARGAAN**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

Syukur Alhamdulillah kehadiran ALLAH s.w.t. yang memberi limpah kurnia-Nya serta dengan keizinan-Nya maka terlaksana Projek Tahun Akhir sesi 2012/2013 pada masa yang ditetapkan. Penghargaan ini ditujukan kepada pensyarah dan juga selaku penyelia saya iaitu Tuan Haji Mohd Ghazali bin Abdullah yang banyak meluangkan masa, memberi bimbingan, panduan dan cadangan yang membina dalam menyiapkan kajian ini.

Penghargaan ini juga dikhususkan buat infoman-informan yang terlibat dalam kajian ini terutama kepada Encik Raja Shahrman Raja Aziddin, YM Raja Khairul Annuar Ibni Almarhum Raja Muda Ahmed Siffudin dan Mohd Syazwan Jusoh kerana sudi meluangkan masa untuk bekerjasama yang tidak terkira dalam membantu menyiapkan kajian ini. Tanpa mereka kajian ini mungkin tidak dapat disiapkan dengan jayanya.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada ayahanda dan bonda iaitu Raja Daud Raja Mahmood dan Raja Jizah Raja Mamat serta adik-beradik yang telah memberi dorongan dan semangat tidak terhingga amat saya hargai dan sanjungi. Akhir sekali, ucapan terima kasih ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang lain atas sokongan dan galakan yang diberikan bagi menyiapkan kajian ini.

Terima Kasih.

Raja Junaidah Bt Raja Daud @ R Hussain

27989

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI PLAT</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>ix</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>x</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>xi</b>
 <b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Kerangka Kajian	8
1.6 Skop Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Batasan Kajian	13
1.9 Penyampaian Kajian	14

## **BAB DUA: SOROTAN KESUSASTERAAN**

2.0	Pengenalan	16
2.1	Konsep Pengurusan	16
2.1.1	Perancangan	18
2.1.2	Pengorganisasian / Pengstafan	19
2.1.3	Kepimpinan	20
2.1.4	Pengawalan	21
2.2	Ciri-ciri Pengurusan	22
2.3	Aspek Pengurusan	23
2.3.1	Pengurusan Pameran	23
2.3.2	Pengurusan Kewangan	24
2.4	Konsep Arca	25
2.5	Bentuk-bentuk Arca	26
2.5.1	Arca Binaan	27
2.5.2	Arca Timbunan	27
2.5.3	Arca Mobail	28
2.5.4	Arca Stabail	28
2.5.5	Arca Dinding	28
2.6	Jenis-jenis	30
2.6.1	Arca Berfungsi (Fizikal)	30
2.6.1	Arca Estetika	31
2.7	Penggunaan Bahan	31
2.8	Teknik	31
2.9	Rumusan	32

## **BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	33
3.1	Lokasi Kajian	34
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	34
3.3	Data	36
	3.3.1 Data Primer	36
	3.3.2 Data Sekunder	38
3.4	Persampelan	38
3.5	Instrumen Kajian	39
3.6	Rumusan	40

## **BAB EMPAT: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	41
4.1	Mengenalpasti Jenis-jenis dan Teknik Pembuatan Arca Yang Dihasilkan oleh Raja Shahrیمان	42
4.2	Sejarah Hidup Raja Shahrیمان	42
4.3	Jenis-jenis Arca yang Dihasilkan oleh Raja Shahrیمان	44
	4.3.1 Keris	44
	4.3.2 Pameran Gerak Tempur	46
	4.3.3 Pameran Api, Bayangan & Kemenyan	48
	4.3.4 Pameran Langkah Hulubalang	52
	4.3.5 Pameran Kemelut Zaman	54
4.4	Teknik	59
4.5	Proses Pembuatan Arca	61
4.6	Meneliti Kaedah Pengurusan Karya Arca Raja Shahrیمان di Galeri Pelita Hati	63



4.7	Sejarah Penubuhan Galeri Pelita Hati	63
4.8	Sebelum Pameran	68
4.8.1	Menyediakan Kertas Kerja Pameran	68
4.8.2	Tema dan Konsep	68
4.8.3	Anggaran Perbelanjaan	69
4.8.4	Membuat Perlantikan Ahli Jawatankuasa Pameran	70
4.8.5	Susun Atur Karya Arca	71
4.8.6	Pencahayaan	73
4.8.7	Pembungkusan Arca	74
4.9	Semasa Pameran Sedang Berlangsung	75
4.9.1	Aturcara Majlis Perasmian Pameran	75
4.10	Selepas Pameran	76
4.11	Menganalisis Tema dan Imej yang Sering dijadikan oleh Raja Shahrman dalam menghasilkan Arca	77

## **BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	85
5.1	Rumusan	85
5.2	Penemuan Kajian	87
5.3	Cadangan kepada Galeri Pelita Hati	88
5.4	Cadangan Kajian akan Datang	89

<b>RUJUKAN</b>	90
<b>LAMPIRAN</b>	92
Lampiran A <i>Release Record</i>	92
Lampiran B <i>Temporary Receipt</i>	93
Lampiran C Soalan Berstruktur	94
Lampiran D Informan	95
Lampiran E Peralatan dan Kegunaannya dalam Proses Pembuatan Arca	97
<b>SENARAI PLAT</b>	
Plat 4.1: Keris	44
Plat 4.2: Gerak Tempur 10	46
Plat 4.3: Gerak tempur 18	47
Plat 4.4: Api, Bayangan & Kemenyan 6	48
Plat 4.5: Api, Bayangan & Kemenyan 9	48
Plat 4.6: Api, Bayangan & Kemenyan 5	49
Plat 4.7: Tapak Sembah	52
Plat 4.8: Langkah Pencak	53
Plat 4.9: Gembala Abad 21	54
Plat 4.10: Pekaka Abad 21	56
Plat 4.11: Irama Abad 21	56
Plat 4.12: Sabungan Abad 21	57
Plat 4.13: Jeritan Abad 21	58
Plat 4.14: Raja Shahrman sedang menunjukkan teknik tempa	59

Plat 4.15: Cara penyusunan arca semasa Pameran Kemelut Zaman	71
Plat 4.16: Para pekerja di galeri sibuk menyusun arca dan lakaran	72
Plat 4.17: Raja Shahrman membetulkan kedudukan lampu untuk menghasilkan ‘angel’ yang baik	73
Plat 4.18: Menggunakan <i>Plastic bubble</i> dan <i>Strapping</i> dalam Proses Pembungkusan	74

### **SENARAI RAJAH**

Rajah 1.1: Kerangka Kajian Pengurusan Seni Arca Raja Shahrman	8
Rajah 4.1: Proses pembuatan arca mengikut urutan	60
Rajah 4.2: Proses perancangan Galeri Pelita Hati dalam menguruskan Pameran arca Raja Shahrman	66
Rajah 4.3: Proses perancangan untuk mengadakan pameran arca Raja Shahrman di Galeri Pelita Hati	67
Rajah 4.4: Penghasilan Tema dan Imej dalam arca oleh Raja Shahrman	82

### **SENARAI JADUAL**

Jadual 4.1: Anggaran perbelanjaan	69
Jadual 4.2: Tentatif program perasmian Pameran Kemelut Zaman	75

## **SENARAI SINGKATAN**

PKMA	-	Pusat Khidmat Maklumat Akademik
S.W.T	-	Subhanawata'ala
UNIMAS	-	Universiti Malaysia Sarawak
YM	-	Yang Mulia
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institusi Pengajian Tinggi Swasta

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti, meneliti dan menganalisis tentang kaedah pengurusan yang dijalankan oleh Galeri Pelita Hati, Bangsar terhadap seni arca yang dihasilkan oleh Raja Shahrman. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti jenis-jenis dan teknik pembuatan arca Raja Shahrman, meneliti kaedah pengurusan karya arca Raja Shahrman, serta menganalisis tema dan imej yang sering dijadikan isu dalam pembuatan arca oleh Raja Shahrman. Kajian ini menggunakan Teori Pengurusan Klasik Henri Fayol yang dipopularkan oleh Gerald Cole di dalam buku *Management Theory and Practice*. Penyelidikan ini dijalankan melalui kaedah kualitatif iaitu temubual bersama pihak galeri dan pengarca Raja Shahrman serta membuat pemerhatian mengenai proses pembuatan arca. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa bentuk-bentuk pengurusan yang diutarakan berdasarkan teori Henri Fayol itu mempunyai perkaitan yang erat diantara pengkaji, artist, peminat dan pengurusan galeri kerana himpunan antara pemikiran semua pihak yang terlibat menyatupadukan dalam bentuk karya arca.

## **ABSTRACT**

*This researched is to identify, examine and analyze the management methods conducted by Galeri Pelita Hati, at Bangsar for sculpture produced by Raja Shahrیمان. The objective of this researched to determine the types and techniques of sculpture, examine the management Raja Shahrیمان works, and also analyze the themes and images that often made an issue that Raja Shahrیمان to do. This researched uses the Classical Henri Fayol Management Theory popularized by Gerald Cole in the book Management Theory and Practice. This researched was carried out through qualitative methods of interviews with the gallery and sculptor Raja Shahrیمان and make observation about the process of making sculpture. The findings of this researched is management theory that forms on Henri Fayol's has relation between researchers, artists, enthusiasts and management as a compilation of all the parties involved thought unite in the form of sculpture works.*

# **BAB SATU**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Bab Satu merupakan bahagian yang mengandungi tentang aspek-aspek penting dalam penyelidikan. Kajian ini mengenai Pengurusan Seni Arca oleh Raja Shahrman di Galeri Pelita Hati, Bangsar. Antara sub-sub topik yang dibincangkan ialah Latar Belakang Kajian, Permasalahan Kajian, Objektif Kajian, Persoalan Kajian, Kerangka Kajian, Skop Kajian, Kepentingan Kajian, Batasan Kajian, dan Penyampaian Kajian.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Arca merupakan salah satu seni tampak yang dihasilkan melalui kerja-kerja pembentukan, sama ada dengan cara mengukir, melarik, mencungkil, mengguris kimpalan, binaan, cantuman skru atau paku, gam, ikatan, acuan, binaan dan sebagainya.

Arca berbeza dengan seni lukis kerana ianya dihasilkan dalam bentuk tiga dimensi. Ini bermakna permukaan arca dapat dirasai serta dipandang dari pelbagai sudut yang terbentuk daripada acuan keras atau bahan-bahan plastik biasanya daripada batu, kayu, atau logam.

Banyak arca dicipta melalui tempahan untuk memperingati sesuatu peristiwa bersejarah, atau kehidupan seseorang tokoh. Hal ini bertujuan sebagai seni awam yang dipamerkan di luar, tetapi kadang-kadang dipamerkan di dalam bangunan awam seperti muzium ataupun galeri untuk menegaskan sesuatu kepada masyarakat dengan cara yang lebih ketara daripada apa yang boleh ditekankan melalui penggunaan perkataan.

Pengkaji telah memilih arca hasil karya Raja Shahrizan Raja Aziddin yang dipamerkan di Galeri Pelita Hati kerana memiliki keunikannya tersendiri dan mencipta ruang pengamatan kepada mereka yang menghayati karyanya sejak awal. Beliau lebih gemar menggunakan besi sebagai bahan utama untuk menghasilkan arca.

Berdasarkan artikel yang diperoleh dari laman web [http://www.universes-in-universe.org/eng/nafas/articles/2009/raja\\_shahrizan](http://www.universes-in-universe.org/eng/nafas/articles/2009/raja_shahrizan) mengenai latar belakang, beliau dilahirkan pada 17 November 1967 di Kuala Kangsar, Perak dan mendapat pendidikan diploma in Art & Design program fine art dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam major *sculpture*. Pada mulanya beliau tidak berminat langsung dengan arca tetapi lebih ghairah kepada seni catan dan mengambilnya sebagai subjek major manakala arca sebagai minor. Namun pada semester ke-5, di atas dorongan dan nasihat pensyarahnya iaitu Ariffin Ismail yang juga merupakan seorang pengarca yang terkenal beliau menukar pengkhususan dengan menjadikan arca sebagai subjek majornya. Beliau



merupakan salah seorang artist tetap di Galeri Pelita Hati dan sentiasa aktif dalam setiap pameran yang diadakan.

Pelita Hati adalah merupakan sebuah galeri seni yang bertanggungjawab dan bermatlamat mempamerkan karya-karya seni kontemporari di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 1995 di Bangsar, Kuala Lumpur. Ianya dimiliki sepenuhnya oleh sepasang suami isteri yang begitu meminati kesenian iaitu Raja Khairul Annuar dan isterinya Tengku Elina Raja Aziddin. Galeri ini menawarkan karya seni yang berkualiti tinggi dan mempamerkan koleksi menarik terdiri daripada lukisan, arca, cetakan dan fotografi. Selain itu juga, organisasi ini juga bermatlamat untuk berada di barisan hadapan bagi mempromosikan seni kontemporari terutamanya seni arca kepada orang ramai.

Selain menganjurkan pameran, galeri ini turut memegang forum seni, dialog, dan menyediakan perkhidmatan bengkel seperti mempromosi dan menjual hasil karya seni malah turut serta menyediakan perkhidmatan perundingan dalam bidang seni halus, memberi projek kepada arkitek, muzim dan pereka dalaman. Menurut Pengarah Urusan Galeri Pelita Hati iaitu Raja Annuar objektif utama penubuhan galeri ini adalah untuk memastikan pengarca-pengarca dapat mempamerkan karya yang dihasilkan seperti kenyataannya yang dikeluarkan oleh Adli Shahar di dalam akhbar Berita Harian yang bertarikh 26.08.2011 iaitu:

“Artis yang menghasilkan seni arca berhadapan dengan pelbagai kekangan seperti material, peralatan, dan ruang untuk berkarya. Hendaknya tanpa tema khusus, mereka tidak dapat menghasilkan karya terbaik. Galeri sedar ramai artis yang belajar seni arca tiada tempat mempamerkan karya. Saya berharap Ilham menjadi medan mempamer bakat mereka,”

Oleh yang demikian, beliau menubuhkan Galeri Pelita Hati kerana ingin membantu pengkarya-pengkarya muda yang mana kini seni arca menjadi salah satu bidang seni yang semakin diminati oleh golongan muda terutamanya pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi. Beliau turut memahami masalah yang akan dihadapi oleh pengkarya muda kerana untuk menghasilkan arca berkualiti mereka memerlukan bahan, peralatan dan persekitaran yang baik kerana ianya merupakan salah satu faktor penting di dalam penciptaan arca. Selain itu, setiap perancangan pameran yang diadakan di galeri mempunyai tema khusus dan menjadi landasan kepada pengarca baru dan lama untuk menghasilkan arca mengikut tema yang telah ditetapkan.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Kajian ini berkaitan dengan Pengurusan Seni Arca oleh Raja Shahrman di Galeri Pelita Hati, Bangsar. Tajuk ini dipilih kerana penghasilan bentuk-bentuk arca beliau mempunyai keunikan dan memberi nilai estetik yang tersendiri kepada pengamatan yang melihatnya. Oleh hal demikian, pihak galeri bertanggungjawab mengurus bagi memastikan setiap karya yang dihasilkan oleh pengarca dipamer dan dijual kepada mereka yang meminati seni tampak terutamanya arca ini.

Arca Raja Shahrman mempunyai bentuk-bentuk yang pelbagai. Bentuk-bentuk arcanya melambangkan pemikiran pengarca dalam melontarkan elemen-elemen yang berkait dengan sikap dan perilaku manusia. Walaupun arca yang dilontarkan itu boleh mencetuskan rasa curiga terhadap krisis manusia dalam menghadapi cabaran dan rangsangan hidup di dunia ini, akan tetapi persoalan kehidupan antara perang dan damai menjadi tumpuan utama dalam karya Raja Shahrman. Perang dan damai merupakan

dua elemen yang saling bertentangan tetapi saling memerlukan, adanya perang kerana tidak adanya damai, dan adanya damai kerana tidak adanya perang. Kedua-duanya melambangkan pemikiran pengarca dalam melontarkan ideanya untuk menghasilkan karya arca.

Galeri Pelita Hati memainkan peranan penting dan menjadi perantaraan di antara pengarca dengan peminat seni arca bagi memastikan setiap karya yang dihasilkan dapat dipamer dan dijual kepada pengunjung. Oleh hal demikian, Raja Annuar bersama pekerjanya berusaha menguruskan setiap pameran dengan kaedah semasa di mana ianya melibatkan tema yang telah ditentukan oleh pengurusan organisasi dan pengarca itu sendiri iaitu Raja Shahrman. Kebanyakan pameran arca Raja Shahrman mempunyai siri yang berkait antara satu sama lain.

Antara koleksi pameran seni arca Raja Shahrman sebagai artist tetap Galeri Pelita Hati adalah pameran solo beliau yang pertama pada tahun 1996 iaitu pameran “Gerak Tempur”, tahun 1998 juga merupakan pameran solo yang bertajuk “Api, Bayangan & Kemenyan”, manakala pameran pada tahun 2007 dan 2009 adalah melibatkan secara berkumpulan iaitu “Pancawarna” dan “3D to 2D: Sculpture Studies”. Selain itu, terdapat juga pameran lain iaitu pameran Ramadhan 2010 yang telah diadakan pada tahun 2010. Pameran yang terbaru ialah pada tahun 2012 dan juga merupakan pameran solo beliau iaitu “Kemelum Zaman”. Aspek pengurusan yang diutamakan adalah mengadakan pameran dengan tema yang berbeza untuk menarik perhatian terutamanya golongan belia yang kini semakin meminati seni arca ini.

Arca merupakan sebahagian komponen seni tampak yang termasuk dalam perkembangan seni di Malaysia dan mempunyai keistimewaan tersendiri berbanding dengan seni halus yang lain. Penyataan dalam bentuk tiga dimensi (3D) menyebabkan arca diminati kerana mempunyai bentuk, ruang, dan jalinan dengan permukaan yang dapat dirasa dan dipandang dari pelbagai sudut. Arca tidak sama dengan seni tampak yang lain kerana ianya mempunyai ciri-ciri seperti kecil, besar, licin, kesat, ringan, berat, lembut, keras dan sebagainya.

Hasil ulasan Syed Ahmad Jamal (1992) dalam karyanya iaitu *Rupa dan Jiwa* dan dikutip oleh Rosli Zakaria yang juga merupakan seorang pengarca melalui laman sesawang <http://senihalusss.blogspot.com/2012/08/seni-arca-di-malaysia.html> beliau telah mengupas penuh kehalusan seni rupa Melayu yang sebelum ini dipandang sebagai barangan kraf semata-mata. Keilmuan yang diperolehi dari barat digunakan sebaik mungkin di Malaysia untuk mengupas keunggulan seni rupa Melayu yang dikatakan jelmaan unsur-unsur dari alam semula jadi kepada satu bentuk karya seni rupa. Dengan mengambil kira pendapat yang diutarakan oleh Clive Bell dengan merumuskan bahawa melalui kesenian, kita dapat membuat kesimpulan tentang mereka yang menghasilkannya. Maka sisi kebudayaan sesuatu bangsa mampu terungkai dengan melihat hasil seni rupa Melayu seperti songket, tembikar, kerja tangan logam, ukiran, senjata, tekatan, sulaman, anyaman, tenunan, wayang kulit, seni khat, arca dan seumpamanya (Syed Ahmad Jamal 1992).

Manakala menurut Siti Zainon Ismail (2008) melalui laman sesawang iaitu <http://roslizakariapengarca.blogspot.com/> melihat kewujudan bentuk-bentuk tiga dimensi yang ada disekeliling masyarakat Melayu telah membuktikan bahawa arca telah

wujud sekian lamanya. Oleh itu, kebudayaan sesuatu bangsa mampu terungkai dengan melihat hasil seni yang sedang mengalami perkembangan dengan baik sehingga ke hari ini walaupun pada permulaanya sukar diterima oleh masyarakat Melayu Islam kerana ianya dianggap bertentangan dengan kepercayaan dan amalan agama Islam. Namun kini, kesenian ini menjadi pilihan kepada pengarca-pengarca moden dalam mengembangkan seni tampak yang semakin diminati oleh golongan muda.

### **1.3 Objektif Kajian**


Terdapat beberapa objektif yang mendorong penyelidik untuk membuat kajian mengenai pengurusan seni arca oleh Raja Shahrman di Galeri Pelita Hati. Antara objektif yang hendak dikaji adalah:

1. Mengenalpasti jenis-jenis arca dan teknik pembuatan yang digunakan oleh Raja Shahrman.
2. Meneliti kaedah pengurusan karya arca Raja Shahrman oleh Galeri Pelita Hati, Bangsar.
3. Menganalisis tema dan imej yang sering dijadikan isu oleh Raja Shahrman dalam menghasilkan arca.

#### 1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah jenis-jenis arca dan teknik pembuatan yang digunakan oleh Raja Shahrinan?
2. Bagaimanakah kaedah pengurusan yang digunakan oleh Galeri Pelita Hati terhadap koleksi seni arca Raja Shahrinan?
3. Apakah tema dan imej yang sering dijadikan isu oleh Raja Shahrinan untuk menghasilkan arca?

#### 1.5 Kerangka Kajian



Rajah 1.1: Kerangka Kajian Pengurusan Seni Arca Raja Shahrinan  
Henri Fayol (1917) dan Lyndall Urwick (1943)  
Sumber: Gerald Cole (2004)

Berdasarkan maklumat hasil kutipan Gerald Cole (2004:13) dalam buku *Management Theory and Practice*, teori pengurusan klasik ini dikemukakan oleh Henri Fayol (1841-1925) yang digambarkan sebagai ‘bapa’ pengurusan moden. Ini adalah berdasarkan kepada pengalaman beliau semasa menguruskan organisasi dan kemudiannya beliau telah membangunkan teori umum ini dalam pengurusan pentadbiran perniagaan. Beliau turut menyatakan bahawa pengurusan mempunyai empat elemen yang berbeza iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan. Kajian ini mengenai pendekatan konsep dan prinsip pengurusan yang dijadikan panduan untuk pengkaji mengaitkan tentang kaedah pengurusan yang dijalankan oleh Galeri Pelita Hati terhadap hasil arca karya Raja Shahrman. Ini sangat penting dan ianya saling berhubung antara satu dengan lain bagi menjalankan pengurusan dalam sesebuah organisasi.

Kewujudan teori ini adalah logik, rasional dan analisis dengan apa yang dilakukan. Kemudian beliau mula membentangkan 14 prinsip untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan. Menariknya, teori yang dikemukakan telah dikongsi bersama Lyndall Urwick (1891-1983) yang mana menggabungkan idea-idea pengurusan saintifik dan teori organisasi klasik dalam tulisan-tulisannya. Kajian dispesifikasikan dalam bentuk pengemuka idea atau teori. Teori yang dikemukakan ini lebih berkonsepkan pengajaran ilmiah.

Fayol telah menjelaskan bahawa 14 prinsip yang dikemukakan menjadi asas kepada pengurusan dan boleh diaplikasikan di setiap organisasi. Prinsip-prinsip tersebut adalah pembahagian kerja, autoriti, disiplin, penyatuan arahan, penyatuan arah,

pensubordinan individu dengan kepentingan umum, imbuan, pemusatan, rantaian skala, tertib, ekuiti, kestabilan jawatan, inisiatif dan *esprit de corps*.

Berdasarkan 14 prinsip yang diutarakan oleh Henri Fayol tersebut, pengkaji telah menghimpunkannya ke dalam empat elemen penting iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, dan juga pengawalan. Dalam hal ini, perancangan sesebuah organisasi seperti galeri berpandukan kepada pra perancangan dan perancangan. Sesebuah organisasi memerlukan pra perancangan untuk menentukan apakah kerangka yang hendak dilaksanakan pada permulaan pameran yang akan diadakan untuk menentukan tujuan yang hendak dilaksanakan. Kemudian perancangan dikaji semula bagi menentukan kekuatan dan kelemahan dalam menguruskan pameran arca di Galeri Pelita Hati.

Pengorganisasian berkait rapat dengan pekerja dalam struktur organisasi. Menurut Sabri Hj Hussin (2004:21) dalam buku *Pengurusan*, pengorganisasian ialah fungsi pengurusan yang melibatkan penyusunan dan mengadakan sumber-sumber yang diperlukan untuk mencapai matlamat organisasi.

Definisi pemilihan pekerja oleh Blum dan Naylor (1981) dalam buku *Sumber Manusia dan Organisasi* yang dikutip oleh Noran Fauziah Yaakub dan Wan Rafaei Abd Rahman menjelaskan bahawa pemilihan melibatkan aktiviti memilih sekumpulan kecil pekerja dari sekumpulan besar yang boleh diambil bila-bila masa sahaja. Tujuan pemilihan dilakukan adalah untuk melaksanakan sesuatu tugas atau jawatan. Proses ini turut dilakukan berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi mengenai individu melalui cara tertentu seperti pengalaman kerja, temuduga atau ujian.